



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH NAHU BASRAH DAN NAHU KUFAH
TERHADAP MAKNA DAN TERJEMAHAN
SYAWĀHID QUR'ĀNIYYAH DALAM KITAB AL-INṢĀF***

ABDUL AZIM BIN ABDUL HAMID

FBMK 2017 73



**PENGARUH NAHU BASRAH DAN NAHU KUFAH
TERHADAP MAKNA DAN TERJEMAHAN
SYAWĀHID QUR'ĀNIYYAH DALAM KITAB AL-INŞĀF**

Oleh

ABDUL AZIM BIN ABDUL HAMID

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi
keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

September 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

**PENGARUH NAHU BASRAH DAN NAHU KUFAH
TERHADAP MAKNA DAN TERJEMAHAN
SYAWĀHID QUR'ĀNIYYAH DALAM KITAB AL-INŞĀF**

Oleh

ABDUL AZIM BIN ABDUL HAMID

September 2017

Pengerusi : Prof. Madya Ab. Halim Bin Mohamad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Al-Qur'an merupakan sumber kajian dalam ilmu nahu Arab. Ulama nahu Arab sama ada Basrah atau Kufah mencari ayat-ayat daripada al-Qur'an sebagai hujah nahu mereka. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh nahu Basrah dan Kufah terhadap terjemahan sumber al-Qur'an, iaitu *syawāhid Qur'āniyyah* dalam kitab al-Inşāf. Dengan berpandukan kesemua masalah nahu yang terdapat dalam kitab ini, kesemua *syawāhid Qur'āniyyah* dianalisis bagi melihat kedudukannya dari sudut makna sama ada mengubah kedudukan makna atau tidak. Tumpuan kajian diberikan terhadap *syawāhid Qur'āniyyah* yang mengubah kedudukan makna bagi menilai bentuk perbezaan yang berhasil daripada terjemahan petikan ayat al-Qur'an tersebut, mengikut pendapat nahu Basrah dan Kufah. Berpaksikan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen, kajian ini cuba mencapai objektif utama kajian untuk melihat sejauh mana pengaruh perselisihan nahu Basrah dan Kufah terhadap penterjemahan *syawāhid Qur'āniyyah* ke bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, tiga terjemahan daripada tiga bahasa yang berbeza digunakan sebagai bahan analisis, iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman (TPAR) bagi bahasa Malaysia, al-Qur'an dan Terjemahannya ke dalam Bahasa Indonesia (AQTBI) bagi bahasa Indonesia dan *The Holy Qur'an* (THQ) bagi bahasa Inggeris. Hasil kajian mendapati, daripada 41 masalah yang mempunyai *syawāhid Qur'āniyyah*, hanya 18 masalah sahaja yang mengubah makna. Manakala 23 masalah lagi tidak mengubah makna. Sebanyak 40 *syawāhid Qur'āniyyah* dikumpulkan daripada masalah yang mengubah makna. Hasil analisis terhadap tiga al-Qur'an terjemahan mendapati wujudnya kesamaan terjemahan mengikut pendapat nahu Basrah dan Kufah dengan jumlah terjemahan mengikut kaedah Basrah lebih banyak, iaitu 79 (66%) kali terjemahan berbanding Kufah dengan 40 (34%) kali terjemahan. Semoga hasil daripada kajian ini dapat memberi sumbangan dalam bidang terjemahan al-Qur'an bagi memantapkan lagi proses terjemahan al-Qur'an di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Art

**THE INFLUENCE OF SYNTAX BASRAH AND SYNTAX KUFAH IN
RELATION TO THE MEANING AND INTERPRETATION OF *SYAWĀHID
QUR'ĀNIYYAH* IN AL-INṢĀF SCRIPTURE**

By

ABDUL AZIM BIN ABDUL HAMID

September 2017

Chairman : Prof. Madya Ab. Halim Bin Mohamad, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Al-Qur'an is the ultimate source of Arabic syntax research. The Arabic syntax scholars either Basrah or Kufah, search the ayah from al-Quran for their point of views. Therefore, the purpose of this research is to analyse the influence of Basrah and Kufah syntax towards the interpretation of the source of al-Qur'an that is *syawāhid Qur'āniyyah* in the al-Inṣāf book. Based on all the syntax problems in the book, all *syawāhid Qur'āniyyah* is analysed to ensure that its position change the original meaning. The focus of this research towards *syawāhid Qur'āniyyah* that changes the position of meaning in order to evaluate the different type resulted from the interpretation from the Qur'an, based on syntax point of view within Basrah and Kufah. Qualitative method is used and by using the content analysis, this research aims to achieve the main objective of which to see how far the influence of differences in Basrah and Kufah syntax in the interpretation of *syawāhid Qur'āniyyah* into Malay, Indonesian and English. Nevertheless, these three interpretations from the three different languages are used as an analysis item. The analysis items from the *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (TPAR) for Malay, *al-Qur'an dan Terjemahannya ke dalam Bahasa Indonesia* (AQTBI) for Indonesian and The Holy Quran (THQ) for English. From the research, out of 41 problems that have *syawāhid Qur'āniyyah*, only 18 problems changed the meaning. The total of 40 *syawāhid Qur'āniyyah* that changed the meaning has been collected. Based on three al-Qur'an interpretations, analysis revealed similarity of interpretation based on Basrah and Kufah syntax with 79 (66%) total of interpretation based on Basrah as compared to 40 (34%) total number of interpretation by Kufah. This research is expected to give a major contribution in strengthening the area of al-Qur'an interpretation in Malaysia.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan seisi keluarganya, mudah-mudahan diperolehi shafaatnya di akhirat kelak.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpahan kurnia serta izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi Penyelia tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Ab. Halim Bin Mohamad yang telah banyak membantu, bersabar dalam membimbang, tidak jemu memberi tunjuk ajar dalam menyelia kerja-kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Juga tidak dilupa kepada Dr. Mohd Sukki Bin Othman selaku Ahli Penyelia di atas pertolongan dan sumbangan buah fikiran yang membantu menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Juga tidak dilupakan penghargaan ini kepada kedua ibu bapa saya, Abdul Hamid Sulaiman dan Hawillah Binti Man yang banyak mendokong dari sudut moral dan kewangan. Juga buat isteri tercinta, Siti Salwa Binti Ishak dan anak Zahratul Ulya kerana menjadi sumber inspirasi, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua rakan-rakan seperjuangan di UPM terutama Ustaz Khairul Anwar Bin Mohamad Ali dan Ustaz Muhammad Zulkifli Bin Shuhaimi yang banyak menghulur bantuan, tidak penat memberi pendedahan, berkongsi ilmu dan memberi tunjuk ajar ketika bersama menyiapkan tugas.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebaikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik-Nya sahaja. Terima kasih.

ABDUL AZIM BIN ABDUL HAMID

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 September 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Abdul Azim bin Abdul Hamid bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pengaruh Nahu Basrah dan Nahu Kufah terhadap Makna dan Terjemahan *Syawāhid Qur'āniyyah* dalam Kitab *Al-İşāf*" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Syed Nurulakla bin Syed Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Zamri bin Arifin, PhD

Profesor Madya

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 November 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab. Halim Bin Mohamad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Mohd Sukki Bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustri telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Abdul Azim Bin Abdul Hamid

GS36251

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Ab. Halim Bin Mohamad

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Mohd Sukki Bin Othman

ISI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|----------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| PENGESAHAN | iv |
| PERAKUAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI CARTA | xii |
| PEDOMAN LITERASI ARAB KE EJAAN RUMI | xiii |
| BAB | |
| 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan. | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah Kajian. | 4 |
| 1.3 Kepentingan Kajian. | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian. | 7 |
| 1.5 Objektif Kajian. | 7 |
| 1.6 Batasan Kajian. | 8 |
| 1.7 Metodologi Kajian. | 9 |
| 1.8 Kesimpulan | 11 |
| 2 LATAR BELAKANG KAJIAN. | 12 |
| 2.1 Pendahuluan. | 12 |
| 2.2 Sorotan Kajian Terdahulu. | 12 |
| 2.1.1 Kajian Nahu Mengubah Kedudukan Makna. | 12 |
| 2.1.2 Kajian Nahu dalam Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu. | 15 |
| 2.1.3 Kajian Nahu dalam Terjemahan al-Qur'an Bahasa Indonesia. | 16 |
| 2.1.4 Kajian Nahu dalam Terjemahan al-Qur'an Bahasa Inggeris. | 18 |
| 2.1.5 Kajian <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> antara Basrah dengan Kufah dalam Terjemahan al-Qur'an. | 21 |
| 2.3 Sumber Kajian Nahu Basrah. | 21 |
| 2.2.1 Sumber Kajian Nahu Basrah daripada Bahasa Kabilah Arab. | 21 |
| 2.2.2 Sumber Kajian Nahu Basrah daripada al-Qur'an. | 22 |
| 2.2.3 Sumber Kajian Nahu Basrah daripada Puisi. | 23 |
| 2.2.4 Sumber Kajian Nahu Basrah daripada <i>Amthāl</i> . | 24 |
| 2.4 Sumber Kajian Nahu Kufah. | 25 |
| 2.3.1 Sumber Kajian Nahu Kufah daripada Puisi Arab. | 25 |
| 2.3.2 Sumber Kajian Nahu Kufah daripada al-Qur'an. | 25 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 2.3.3 | Sumber Kajian Nahu Kufah daripada Bahasa Kabilah Arab. | 26 |
| 2.3.4 | Sumber Kajian Nahu Kufah daripada <i>Qiyās</i> . | 27 |
| 2.5 | Latar Belakang Kitab al-Insāf fī Masā'il al-Khilāf. | 27 |
| 2.6 | Aspek Perselisihan Nahu Basrah dan nahu Kufah. | 31 |
| 2.6.1 | 'Āmil al-Naḥwī. | 31 |
| 2.6.2 | Mendahulukan <i>Ma'mūl</i> sebelum 'Āmil. | 34 |
| 2.6.3 | Bentuk <i>I'rāb</i> dan <i>Binā'</i> . | 35 |
| 2.6.4 | Alamat-alamat <i>I'rāb</i> . | 37 |
| 2.6.5 | Binaan perkataan dan <i>Ishtiqāq</i> . | 38 |
| 2.6.6 | Makna-makna Huruf dan Penggunaannya. | 40 |
| 2.6.7 | Penstrukturran Gaya Bahasa Arab. | 41 |
| 2.6.8 | Jenis Perkataan. | 43 |
| 2.6.9 | Permasalahan <i>Şarf</i> . | 44 |
| 2.6.10 | Masalah-masalah Lain. | 45 |
| 2.7 | Latar Belakang Terjemahan al-Qur'an. | 46 |
| 2.7.1 | Terjemahan dalam Bahasa Melayu. | 47 |
| 2.7.2 | Terjemahan dalam Bahasa Indonesia. | 49 |
| 2.7.3 | Terjemahan dalam Bahasa Inggeris. | 51 |
| 2.8 | Kesimpulan. | 53 |
| 3 | <i>SYAWĀHID QUR'ĀNIYYAH.</i> | 54 |
| 3.1 | Pendahuluan. | 54 |
| 3.2 | <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> Menurut Pandangan Basrah dan Kufah. | 54 |
| 3.3 | Hubung Kait antara Masalah Nahu dengan <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 56 |
| 3.3.1 | Masalah Nahu yang Mempunyai <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 57 |
| 3.3.2 | Masalah Nahu yang Tidak Mempunyai <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 59 |
| 3.4 | Pembahagian <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 62 |
| 3.4.1 | <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> yang Tidak Mengubah Makna | 62 |
| 3.4.2 | <i>Syawāhid Qur'āniyyah</i> yang Mengubah Makna | 73 |
| 3.5 | Kesimpulan. | 79 |
| 4 | ANALISIS TERJEMAHAN <i>SYAWĀHID QUR'ĀNIYYAH</i>. | 81 |
| 4.1 | Pendahuluan. | 81 |
| 4.2 | 'Āmil al-Naḥwī. | 81 |
| 4.3 | Mendahulukan <i>Ma'mūl</i> sebelum 'Āmil. | 86 |
| 4.4 | Bentuk <i>I'rāb</i> dan <i>Binā'</i> . | 87 |
| 4.5 | Alamat-alamat <i>I'rāb</i> . | 89 |
| 4.6 | Binaan perkataan dan <i>Ishtiqāq</i> . | 89 |
| 4.7 | Makna Huruf dan Penggunaannya. | 89 |
| 4.8 | Penstrukturran Gaya Bahasa Arab. | 110 |
| 4.9 | Jenis Perkataan. | 122 |
| 4.10 | Permasalahan <i>Şarf</i> . | 122 |

| | | |
|------------------------|------------------------------|-----|
| 4.11 | Masalah-masalah Lain. | 122 |
| 4.12 | Kesimpulan. | 126 |
| 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN. | 129 |
| 5.1 | Pendahuluan. | 129 |
| 5.2 | Rumusan Kajian. | 129 |
| 5.3 | Cadangan. | 132 |
| 5.4 | Penutup | 133 |
| BIBLIOGRAFI | | 134 |
| LAMPIRAN | | 142 |
| BIODATA PELAJAR | | 148 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|---------------|---|----------------|
| 2.1 | Perbandingan antara بل dengan لكن . | 27 |
| 2.2 | Jumlah masalah mengikut aspek perselisihan. | 46 |
| 3.1 | Senarai masalah perselisihan yang mempunyai <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 57 |
| 3.2 | Senarai masalah perselisihan yang tidak mempunyai <i>shawāhid Qur'āniyyah</i> . | 58 |
| 3.3 | Jumlah keseluruhan masalah dan <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 79 |
| 4.1 | Jumlah bilangan masalah yang berubah makna. | 126 |
| 4.2 | Jumlah bilangan <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> mengikut pecahan masalah nahu. | 126 |
| 4.3 | Jumlah terjemahan mengikut pendapat Basrah dan pendapat Kufah menerusi tiga terjemahan TPAR, AQTBI dan THQ. | 128 |

SENARAI CARTA

| Carta | | Halaman |
|--------------|---|----------------|
| 3.1 | Peratusan masalah yang terdapat <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> dan masalah yang tidak terdapat <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 79 |
| 4.1 | Peratusan terjemahan mengikut kaedah nahu Basrah dan nahu Kufah daripada terjemahan TPAR, AQTBI dan THQ. | 127 |
| 4.2 | Peratusan terjemahan Basrah dan terjemahan Kufah mengikut terjemahan TPAR, AQTBI dan THQ. | 128 |
| 5.1 | Peratusan masalah yang mempunyai <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> dan tidak mempunyai <i>syawāhid Qur'āniyyah</i> . | 130 |

PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE EJAAN RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, EDISI KEDUA, 2008)

A. Konsonan

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| ا | - |
| ب | b |
| ت | t |
| ث | th |
| ج | j |
| ح | h |
| خ | kh |
| د | d |
| ذ | dh |
| ر | r |
| ز | z |
| س | s |
| ش | sh |
| ص | ṣ |
| ض | ḍ |

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| ط | t̄ |
| ظ | z̄ |
| ع | ' |
| غ | gh |
| ف | f |
| ق | q |
| ك | k |
| ل | l |
| م | m |
| ن | n |
| و | w |
| ه | h |
| ء | , |
| ي | y |
| ة | ah* |

*Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal

| Pendek | | Panjang | | Diftong | |
|--------|---|---------|---|---------|----|
| ا | a | ا | ā | أي | ay |
| ي | i | ي | ī | أو | aw |
| و | u | و | ū | | |

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.

Kajian ini merupakan suatu kajian yang berfokuskan perkara perselisihan nahu yang berlaku antara dua mazhab nahu yang terbesar, iaitu Basrah dan Kufah. Basrah merupakan satu Bandar yang terletak di selatan Iraq yang diasaskan oleh ‘Utbah bin Qazwān, seorang pembesar zaman pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab pada tahun 15 Hijrah bersamaan tahun 663 Masihi. Basrah menjadi tempat tumpuan perkembangan ilmu terutamanya ketika zaman Abbasiyyah, dengan pintu perbincangan mengenai ilmu dibuka seluasnya. Galakan dari pembesar dan pemimpin kerajaan menjadi dorongan yang besar terhadap para ilmuan, ditambah lagi terdapat pemimpin yang mengambil inisiatif memberi ganjaran kepada ilmuan yang menyampaikan ilmu mereka. Suasana ini menyebabkan minat penduduk Basrah dalam mendalami ilmu menjadi kuat.

Kufah juga merupakan salah satu bandar di Iraq yang terletak di sebelah utara. Kufah diasaskan oleh Sa‘ad bin Abī Waqas pada zaman pemerintahan khalifah ‘Umar bin al-Khatab. Terdapat perselisihan pendapat pada tahun Kufah diasaskan. Pendapat pertama diasaskan pada tahun ke 16 Hijrah dan pendapat kedua pada tahun 20 Hijrah. Kawasan Kufah terletak berhampiran dengan Sungai Furat yang dikelilingi oleh penduduk pelbagai bangsa. Antara bangsa yang terbesar hampir dengan Kufah ialah Parsi dan Rom. Atas desakan keperluan hidup, penduduk Kufah terpaksa bergaul dengan bangsa asing untuk menjalankan perniagaan dan aktiviti harian. Tambahan lagi, Kufah pada permulaan era kekuatan mereka dalam membicarakan ilmu, bukanlah bermula dengan membicarakan ilmu nahu. Bahkan Kufah pada mulanya terkenal sebagai tempat membicarakan ilmu *fiqh*, *usūl fiqh*, fatwa dan *qira’āt* sehingga terdapat mazhab *fiqh* yang mashur di Kufah, iaitu mazhab Imam Abu Hanifah. Antara ahli *qira’āt* yang mashur di Kufah ialah ‘Āsim, Ḥamzah dan al-Kissā’ī. Setelah itu, Kufah terkenal pula dengan kawasan berkembangnya puisi sehingga puisi yang diriwayatkan oleh Kufah jauh lebih banyak berbanding Basrah (Dayf, 1992: 153).

Terdapat banyak karangan ulama nahu tentang masalah perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah ini, tetapi yang mashur merupakan kitab yang dikarang oleh Ibn al-Anbārī yang diberi tajuk *al-Inṣāf fī Masā’il al-Khilāf Bayna al-Baṣriyyīn wa al-Kūffiyīn*. Semuanya, sebanyak 121 masalah perselisihan nahu terkandung dalam

kitab al-Inṣāf ini. Kitab ini membicarakan masalah perbezaan pendapat nahu antara Basrah dengan Kufah secara mendalam dan juga mengupas dengan begitu baik hujah daripada kedua-dua mazhab Basrah dan Kufah. Antara perkara yang menjadi hujah antara Basrah dengan Kufah merupakan *syawāhid Qur'āniyyah* kerana al-Qur'an merupakan sumber utama dalam pembentukan kaedah nahu. Tambahan lagi, kebanyakannya petikan ayat ini bersangkut paut dengan ilmu *qira'āt* yang mana ulama nahu mempunyai latar belakang dalam mempelajari ilmu *qira'āt*. Akan tetapi, antara ulama Basrah dengan ulama Kufah terdapat jurang yang besar dalam menggunakan *syawāhid Qur'āniyyah* sebagai sumber rujukan. Basrah tidak menggunakan *syawāhid Qur'āniyyah* secara meluas dalam pembentukan kaedah nahu mereka. Manakala Kufah menggunakan *syawāhid Qur'āniyyah* dengan meluas sekali (Abduh, 2006: 1).

Penggunaan sumber rujukan sebagai bahan dalam membentuk kaedah nahu antara Basrah dengan Kufah berbeza. Kesannya ulama Basrah selalu menyalahi bacaan para ahli *qira'at* seperti Nafi' (dari Madinah), Ḥamzah Ibn Ḥabib al-Zayyāt (dari Kufah), 'Abdullah Ibn 'Āmir (dari Syam) dan beberapa pembaca lagi. Hal ini disebabkan ulama Basrah tidak merujuk kepada al-Qur'an sebagai sumber utama. Mereka lebih mengutamakan bahasa kabilah yang mashur seperti Asad, Tamīm, dan Qays. Mereka lebih cenderung menggunakan kaedah *qiyās* dan *ta'wīl*. Berlainan dengan Kufah yang lebih mementingkan zahir ayat mengikut bacaan ahli *qira'at* (Ab. Halim, 2007: 124). (الذين زينوا لغيرهم قتلا أولادهم شرکائهم وقتلوا زادهم قتلوا زادهم شرکائهم) (al-An'ām: 137). Ayat ini, jika mengikut bacaan Ibn 'Āmir diḍammahkan perkataan yang asalnya *fathāh* dan dijarkan perkataan شرکائهم yang asalnya ialah *dammah*. Bagi Zamakhsharī, bentuk bacaan Ibn 'Āmir ini tidak betul dan menganggap ianya hanya rekaan beliau sahaja bukan sebahagian daripada *qira'āt* (Abduh, 2006: 1). Jika dilihat daripada sudut makna, terdapat perbezaan maksud ayat asal dengan maksud ayat mengikut bacaan Ibn 'Āmir.

Namun begitu, perbezaan bentuk bacaan ini bukanlah hasil daripada olahan para ulama *qira'āt* atau bahasa. Perkara tersebut merupakan hasil bacaan yang diperdengarkan sendiri oleh Rasulallah S.A.W kepada sahabat yang tidak dapat disangkal lagi ketepatan riwayatnya. Oleh demikian, setiap perselisihan bentuk bacaan ini berkait rapat dengan masalah perselisihan nahu yang mana masing-masing mempunyai hujah dan pendapat yang tersendiri. Sebagai contoh seorang ulama *qira'āt* terkenal, iaitu Ahmad bin Muhammad bin Ismail yang digelar sebagai al-Nahās, apabila mengarang buku mengenai masalah perselisihan *qira'āt* atau masalah *i'rāb* al-Quran, tidak mengelak daripada menyentuh masalah nahu yang berlaku antara Basrah dengan Kufah (Fairuz et all, 2015: 550).

Bukan sekadar itu sahaja, apabila dakwah Islam merebak luas ke seluruh alam, masyarakat Arab berbondong-bondong memasuki Islam serta pintu Islam telah

terbuka untuk masyarakat bukan Arab, maka timbul masalah bagi mereka yang tidak mampu untuk memahami isi kandungan al-Qur'an. Bahkan majoriti umat Islam di seluruh pelosok dunia tidak dapat menguasai bahasa al-Qur'an ini dengan baik. Di sini bermulalah desakan untuk menterjemah dan mentafsir isi kandungan al-Qur'an bagi memudahkan umat Islam yang lain memahami intisari agama Islam (Jufri, 2009). Namun, untuk mentafsir dan menterjemah al-Qur'an bukanlah suatu kerja yang mudah. Usaha pentafsiran dan penterjemahan al-Qur'an memerlukan seseorang itu berkemahiran dalam pelbagai jenis ilmu. Yang pastinya, antara ilmu yang terpenting itu merupakan ilmu nahu. Ini kerana tanpa penguasaan penterjemah dalam ilmu nahu akan membawa kepada kesalahan disebabkan penterjemah tidak dapat memahami peranan sesuatu perkataan atau konteks ayat (Zaki, 2012: 3).

Semestinya, dunia penterjemahan khususnya dari sumber berbahasa Arab, pengetahuan terhadap hukum nahu sangat penting kerana hukum nahu ini membawa kepada kefahaman maksud ayat. Ini diperkuat lagi dengan kenyataan Hudīl (2009: 16) bahawa keperluan nahu terutama tentang masalah *i'rāb* bukan hanya sekadar alamat kepada sesuatu perkataan semata-mata. Bahkan menjadi tempat bergantung untuk kita memahami maksud sesuatu ayat. Kenyataan beliau ini dibuat berdasarkan kenyataan Ibn Jinnī yang dipetik daripada kitab al-Khaṣā'is bahawa *i'rāb* menjelaskan maksud terhadap sesuatu perkataan. Amjad (2011: 10) juga menyatakan bahawa ilmu nahu ini sendiri terutamanya dalam masalah *i'rāb* mempunyai peranan tersendiri yang boleh mempengaruhi kefahaman sesuatu ayat. Tambahan pula, pentafsiran al-Qur'an ini diambil daripada ulama nahu Basrah dan nahu Kufah, sudah tentu berlaku perselisihan antara mereka dalam memahami maksud al-Qur'an. Tidak hanya sekadar itu, ulama nahu silam juga mempunyai pendapat yang sama. Ibn Jarīd al-Tabarī dalam karangan Jamāl Ramaḍān (2010: 22) ada tercatat bahawa apabila berubah bentuk *i'rāb* sesuatu perkataan maka bentuk pentafsiran perkataan tersebut turut berubah.

Ternyata dan tidak dapat disangkal lagi bahawa perselisihan nahu ini membawa kepada perubahan makna ayat. Akan tetapi, bagaimana pula dalam bidang penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa asing. Bagaimanakah bentuk terjemahan terhadap ayat al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan masalah perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah? Oleh yang demikian, menerusi kajian ini pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap masalah perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah bagi melihat bagaimana masalah perselisihan ini memberi kesan dalam mempengaruhi makna al-Qur'an terutama apabila diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Mudah-mudahan menerusi kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang penterjemahan terutama dalam proses terjemahan al-Qur'an supaya dapat berpaksikan kepada sumber dan pendapat yang sahih.

1.2 Penyataan Masalah Kajian.

Penterjemahan merupakan operasi yang dijalankan terhadap bahasa, iaitu suatu proses menggantikan teks dalam satu bahasa kepada satu teks dalam bahasa yang lain dengan memelihara maksud sebenar sebagaimana teks asal. Dalam menjalankan proses penterjemahan sesuatu teks daripada bahasa sumber (*source language*) kepada bahasa Sasaran (*target language*), penterjemah kebiasaannya terhimpit dengan cabaran untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti terutama ketika menterjemahkan teks daripada rumpun bahasa yang berbeza dari sudut aspek bahasa dan budaya (Norimah, 2003). Menerusi kenyataan Norimah dapat diketahui bahawa penterjemahan al-Qur'an dari sumber berbahasa Arab ke dalam bahasa asing berlainan rumpun seperti bahasa Melayu bukanlah suatu kerja yang mudah kerana bahasa Arab mempunyai keistimewaan tersendiri dengan perkataannya tertakluk pada empat *harakāt* (baris) yang mampu membawa maksud tertentu. Perubahan daripada satu *harakāt* kepada satu *harakāt* yang lain juga boleh membawa perubahan maksud terhadap perkataan tersebut. Tambahan pula apabila terdapat perbezaan pendapat dalam sesuatu masalah tatabahasa Arab ini, sudah tentu menghasilkan kepelbagai bentuk kefahaman.

Jika diteliti pada terjemahan al-Qur'an sedia ada, wujud perbezaan corak terjemahan di antara satu sama lain. Perbezaan terjemahan ini pula dilihat mempunyai kaitan dengan masalah perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah. Pada asasnya, masalah nahu berkemungkinan bukan merupakan perkara utama yang dirujuk oleh penterjemah ketika menterjemah al-Qur'an. Yang dirujuk merupakan kitab tafsir al-Qur'an bagi memahami maksud sesuatu ayat. Namun perlu diketahui bahawa dalam proses tafsiran al-Quran, ulama tafsir tidak terlepas daripada merujuk kepada masalah nahu kerana ilmu nahu ini mempengaruhi kefahaman ayat. Oleh yang demikian, sebelum pentafsir membuat sesuatu tafsiran ayat, antara aspek yang diteliti ialah aspek nahu (Thahir, 2016: 47). Ini bermaksud, terjemahan al-Qur'an yang dihasilkan juga mempunyai kaitan dengan masalah nahu. Kemungkinan perbezaan terjemahan yang telah dihasilkan dalam terjemahan al-Qur'an sedia ada juga mempunyai kaitan dengan perbezaan nahu Basrah dengan nahu Kufah kerana terdapat kitab tafsir yang menyentuh perbezaan makna, hasil daripada perselisihan nahu seperti *Tafsīr Fakh al-Rāzī*.

Tambahan pula terdapat petikan ayat al-Qur'an yang menjadi hujah antara Basrah dengan Kufah dalam mempertahankan pendapat nahu mereka. Ab. Halim (2007: 123) telah menyatakan bahawa perselisihan pendapat ini kalau dikaitkan dengan al-Qur'an memberi kesan yang jelas, sehingga ada yang membawa maksud yang berlainan. Bagaimana petikan ayat-ayat ini diterjemahkan ke dalam bahasa asing perlu diberi

perhatian. Kesilapan atau kejelasan yang kurang dalam terjemahan boleh membawa kepada salah faham pembaca.

Berdasarkan tinjauan persuratan terhadap kajian sedia ada yang melibatkan *syawāhid Qur'āniyyah* dari segi terjemahan dan makna, pengkaji mendapati terdapat satu kajian yang telah dilakukan oleh Ab. Halim Mohamad bertajuk “Perselisihan Nahu Basrah dan Kufah dan Implikasinya Terhadap Pemahaman dan Penterjemahan Quran”. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak meliputi keseluruhan masalah perselisihan nahu antara Basrah dengan Kufah. Beliau hanya menyenaraikan 14 masalah perselisihan dengan mengumpulkan 20 *syawāhid Qur'āniyyah* sahaja. Masih ada masalah perselisihan dan *syawāhid Qur'āniyyah* berbaki yang perlu dihuraikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi melengkapkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh Ab. Halim Mohamad tersebut.

Rentetan daripada masalah kajian yang telah dinyatakan, dilihat satu kajian perlu dijalankan secara menyeluruh terhadap *syawāhid Qur'āniyyah* bagi merungkai sejauh mana pengaruh kaedah nahu Basrah dan nahu Kufah memberi kesan terhadap makna dan terjemahan al-Qur'an.

1.3 Kepentingan Kajian.

Nawāl (2013: 4) dalam kajian beliau mengenai kaedah Ibn al-Anbārī dalam menyusun kitab al-*Inṣāf* ada menyebut tentang kepentingan mengkaji masalah perselisihan. Kepentingan-kepentingan tersebut dapat dilihat seperti berikut:

- i. Perselisihan merupakan tiang untuk menjalankan kajian atau penyelidikan bagi mengetahui sesuatu dengan sedalam-dalamnya. Maka perkara perselisihan kebanyakannya memerlukan kerja keras seperti membahas, berhujah dan perbincangan terhadap teks.
- ii. Perselisihan nahu berkait dengan kefahaman terhadap masalah-masalah dan hukum-hakam nahu. Perkara ini merangkumi setiap pendapat dan hujah bagi kelompok masing-masing. Melalui pendapat dan hujah tadi dapat mengetahui kesan dan hala tuju setiap pendapat.
- iii. Perselisihan nahu juga berkait dengan teori pemikiran dalam kalangan ahli nahu. Menerusi perselisihan dapat mengetahui corak pemikiran ahli nahu bagi menyusun kaedah nahu mereka.

iv. Perselisihan nahu juga berkait dengan wujudnya kepelbagaian kaedah yang mana kepelbagaian ini merupakan jalan untuk mencari ketepatan dalam sesuatu masalah.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi memahami bentuk penterjemahan terhadap *syawāhid Qur'āniyyah* yang menjadi hujah Basrah dan Kufah bagi mempertahankan pendapat mereka yang terkandung di dalam kitab al-*Inṣāf*. Menerusi kajian ini, dapat dikenal pasti 121 masalah yang terdapat dalam kitab al-*Inṣāf*, khususnya masalah manakah yang membawa kepada perubahan makna. Tidak semua masalah perselisihan membawa kepada perubahan makna. Hanya sebilangan sahaja yang membawa kepada perubahan. Oleh itu, kajian ini dapat mengesan masalah yang manakah tidak mengubah kedudukan makna dan masalah yang manakah mengubah kedudukan makna. Selain itu, tidak semua masalah perselisihan sama ada yang tidak mengubah kedudukan makna atau mengubah kedudukan makna mempunyai petikan ayat al-Qur'an. Kajian ini mempamerkan semua hujah Basrah dan Kufah daripada al-Qur'an mengikut pecahan masalah masing-masing. Daripada olahan itu dapat diketahui bentuk ayat al-Qur'an yang mereka gunakan sebagai hujah.

Melalui kajian ini juga, dapat memperlihatkan bagaimana perselisihan nahu antara Basrah dengan Kufah dapat memberi kesan terhadap makna. Sudah diketahui bahawa perbezaan nahu mampu memberi kesan terhadap makna. Akan tetapi, bagaimana perbezaan ini membawa perbezaan terhadap sudut makna dan perubahan terhadap kefahaman keseluruhan ayat masih lagi tidak jelas. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan bagaimana perubahan makna berlaku terhadap *syawāhid Qur'āniyyah* mengikut kaedah nahu Basrah dan nahu Kufah.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam proses penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa asing. Kajian ini menumpukan kepada tiga terjemahan al-Qur'an berlainan bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan juga bahasa Inggeris. Bagaimana ketiga-tiga terjemahan ini menterjemah ayat yang melibatkan petikan ayat-ayat al-Qur'an yang menjadi hujah antara Basrah dengan Kufah dapat dilihat. Melalui tiga terjemahan al-Qur'an sedia ada ini juga memperlihatkan kecenderungan terjemahan mengikut kaedah nahu Basrah dan kecenderungan terjemahan mengikut kaedah nahu Kufah. Di samping itu juga, melalui kajian ini juga dapat memperlihatkan kebarangkalian terjemahan, sama ada kecenderungan terjemahan lebih banyak mengikut pendapat Basrah atau Kufah.

Menerusi kajian yang melibatkan masalah perselisihan antara kaedah nahu Basrah dan nahu Kufah ini diharap dapat memberi sumbangan untuk memantapkan lagi proses penterjemahan al-Qur'an dan juga dapat memberi ilham kepada penterjemah

dalam menyusun terjemahan mereka mengikut kaedah nahu yang betul supaya kefahaman terhadap makna al-Qur'an tidak terpesong. Ini kerana apabila kita berbicara mengenai masalah perbezaan, akan dapat membawa hasil carian yang lebih tepat. Disamping dapat memberi penekanan terhadap masalah perselisihan nahu dalam terjemahan mereka. Diharapkan agar hasil kajian ini dapat membantu penterjemah bukan sahaja dalam menterjemah al-Qur'an, bahkan dalam menterjemah apa juga daripada sumber berbahasa Arab.

1.4 Persoalan Kajian.

Berdasarkan daripada kepentingan terhadap kajian ini, dapat dikenal pasti beberapa persoalan yang berkisar disebalik kajian ini. Persoalan-persoalan tersebut boleh disenaraikan seperti di bawah:

- i. Apakah perselisihan antara nahu Basrah dengan nahu Kufah yang terdapat *syawāhid Qur'āniyyah*?
- ii. Bagaimanakah kedudukan *syawāhid Qur'āniyyah* yang mengubah makna dalam kitab al-*Inṣaf*?
- iii. Sejauh manakah pengaruh perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah terhadap penterjemahan *syawāhid Qur'āniyyah* ke bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris?

1.5 Objektif Kajian.

Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian di atas, di sini dinyatakan beberapa objektif kajian yang akan mewarnai kajian ini. Objektif-objektif kajian tersebut ialah:

- i. Menghuraikan perselisihan antara nahu Basrah dengan nahu Kufah yang terdapat *syawāhid Qur'āniyyah*.
- ii. Mengenal pasti *syawāhid Qur'āniyyah* yang mengubah makna dalam kitab al-*Inṣaf*.
- iii. Menganalisis pengaruh perselisihan nahu Basrah dan nahu Kufah terhadap penterjemahan *syawāhid Qur'āniyyah* ke bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris.

1.6 Batasan Kajian.

